



**MANCID**

**TEKS UCAPAN  
PERSIDANGAN TAHUNAN KE-25 PERSATUAN  
KEBANGSAAN BAGI PENGAIRAN DAN SALIRAN  
MALAYSIA (MANCO)**

**YB DATUK SERI HAJI MOHAMAD BIN SABU  
MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN**

**[SALUTASI]**

**Terima kasih kepada Pengacara Majlis**

**YBHG. MEJAR (K) DATO' IR. DR. HJ. AHMAD ANUAR BIN OTHMAN**

Director General DID Malaysia

Advisor Malaysian Committee of Irrigation and Drainage  
(MANCID)

**YBRS. IR. MOHAMAD RADZI BIN ABDUL TALIB**

Director of the Agriculture Drainage and Irrigation Division,  
Chairman Malaysian Committee of Irrigation and Drainage  
(MANCID)

Chairman of KPKM Agencies,

Directors-General of KPKM Departments and Agencies,

Division Secretaries of KPKM,

Invited speakers,

Ladies and gentlemen,

**Assalamu'alaikum, warahmatullahi wabarakatuh, and  
Salam Malaysia MADANI.**

## **Good Morning,**

1. Alhamdulillah, we thank Allah SWT for His blessings, allowing us to gather here today to successfully conduct the 25th Annual Conference of the National Irrigation and Drainage Association of Malaysia.
2. First and foremost, I would like to express my appreciation and gratitude to the Malaysian Committee of Irrigation and Drainage (MANCID), in collaboration with the Division of Irrigation and Agricultural Drainage under Ministry of Agriculture and Food Security (KPKM), for inviting me to this morning's event,
3. Congratulations and well done to all those who have been involved in the tremendous effort to organize this conference. I am informed that there are 7 panelists, including 4 international experts, and over 200 participants, along with exhibitions from Small and Medium Industries (SMIs) showcasing their products. I believe that through this conference, we can address various issues, exchange ideas, and provide suggestions that will help shape the future of agriculture and food security in our country.

4. On behalf of the ministry, I would like to extend a warm welcome to our international speaker and participants who have joined us today. Your presence adds great value to this conference, as we come together not only as Malaysians but as global partners in addressing the challenges and opportunities in irrigation and drainage. Your contributions are invaluable in advancing our understanding of the issues at hand. Please take some time to explore the beauty and culture of Malaysia, and we hope you enjoy your stay in our wonderful country.

**Ladies, and Gentlemen, please allow me to continue my speech in Malay Language**

**YBhg. Dato'-Dato', Datin-Datin, Tuan/ Puan yang dihormati  
sekalian**

5. Bersempena dengan Persidangan MANCO kali ke-25 ini, saya berasa teruja dengan tema yang di bawa iaitu ***“Sustainable Food and Water Security Through Better Irrigation Technology and Practices”*** di mana usaha untuk mencapai kelestarian dalam bekalan makanan dan menguruskan sumber air dengan menggunakan teknologi dan amalan pengairan yang lebih baik.
  
6. Tema ini selari dengan Dasar Agro Makanan Negara, DAN 2.0. Ia adalah penting untuk meneruskan dan memperkukuh usaha Keselamatan Makanan Kebangsaan melalui kerjasama di peringkat persekutuan dan negeri, berdasarkan Pelan Tindakan Keselamatan Makanan Kebangsaan (2021-2025) dan Dasar Agro-Makanan Kebangsaan 2.0 (2021-2030). Kita harus bekerjasama, meningkatkan penglibatan Kementerian, agensi pusat, dan pihak berkepentingan untuk melaksanakan dasar yang menyokong visi dan misi Kementerian kita.

7. Hari ini, kita telah berjaya mengumpulkan pakar-pakar tempatan dan antarabangsa untuk bersama-sama berbincang dan berkongsi pengetahuan serta menggalakkan inovasi yang pastinya akan meningkatkan hasil pengeluaran pertanian dan seterusnya menjamin keselamatan makanan negara pada masa akan datang.

**Para hadirin sekalian,**

8. Kerajaan amat komited dalam memperkasakan sektor pertanian makanan negara dan sentiasa mencari idea baharu untuk mencipta teknik dan kaedah menghasilkan pelbagai produk. Ini termasuk kemudahan di lapangan seperti infrastruktur pengairan, yang penting untuk pengurusan air yang lebih sistematik dan boleh digunakan secara menyeluruh dan memberi manfaat kepada komuniti petani.
9. Secara ringkasnya, pertanian masa depan akan dicirikan oleh penyepaduan teknologi digital, amalan mampan, kemajuan bioteknologi dan kaedah pengeluaran inovatif seperti pertanian menegak. Perkembangan ini akan meningkatkan produktiviti, mengurangkan kesan alam sekitar, memastikan keselamatan makanan, dan menggalakkan komuniti yang berdaya tahan dan inklusif.

Dengan memanfaatkan potensi pertanian dan mengamalkan pendekatan holistik, kita boleh membuka jalan untuk masa depan di mana makanan berkhasiat boleh diakses oleh semua sambil memelihara planet ini untuk generasi akan datang.

10. Menjelang tahun 2050, kita perlu memenuhi matlamat pembangunan mampan terhadap sistem pemakanan iaitu memastikan penglibatan semua peringkat umur terhadap sosio ekonomi pertanian, meminimumkan kesan negatif alam sekitar, memelihara sumber semula jadi yang terhad, menyelamatkan biodiversiti dan mengukuhkan daya tahan terhadap masa hadapan.

**YBhg. Dato'-Dato', Datin-Datin, Tuan/ Puan yang dihormati  
sekalian**

11. Saban hari negara kita tidak dapat lari daripada fenomena alam dan perubahan iklim. Ianya memberi kesan secara global dan telah mula berlaku pada akhir kurun ke-19, tetapi hanya lebih kurang lima belas tahun yang lepas sahaja ianya dapat dibuktikan dengan adanya teknologi terkini dan pemerhatian yang berterusan. Beberapa fenomena seperti peningkatan suhu dunia, peningkatan paras laut (sea level rise) telah mula terjadi.

Fenomena yang paling memberi kesan kepada Malaysia ialah kejadian “extreme events” seperti hujan dan musim kering yang luar biasa dan telah memberi kesan secara lansung kepada bekalan makanan negara.

12. Apa yang perlu kita lakukan sekarang adalah sama-sama memikirkan langkah yang perlu dilaksanakan untuk mengadaptasi cara kerja kita untuk mengatasi masalah ini. Oleh itu, tema persidangan dan senarai kertas kerja yang akan dibentangkan pada kali ini menjadi begitu relevan dalam usaha kita ke arah kelangsungan kehidupan ini.

**Para hadirin sekalian,**

14. Mengakhiri ucapan ini, adalah menjadi harapan saya agar persidangan ini dapat mencapai objektif dari perkongsian idea daripada panel-panel yang hebat. Saya menyeru supaya perkongsian idea ini perlu disalurkan bukan Sahaja kepada pihak kerajaan, tetapi juga kepada pihak swasta, NGO dan pihak akademik untuk sama-sama mengembeling usaha mereka ke arah pembangunan mampan keterjaminan bekalan makanan negara.



15. Dikeempatan ini, saya sekali lagi merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua panel, peserta-peserta persidangan dan pihak urusetia pada tahun ini kerana telah begitu gigih dalam menjayakan Persidangan Tahunan Persatuan Kebangsaan bagi Pengairan dan Saliran Malaysia kali yang ke-25. Saya turut mendoakan agar persidangan ini berjalan lancar dan berjaya menghasilkan satu rumusan yang berfaedah demi masa depan negara.

16. Dengan lafaz BISMILLAH RAHMANIRRAHNIR RAHIM saya dengan ini merasmikan Persidangan Tahunan Persatuan Kebangsaan bagi Pengairan dan Saliran Malaysia kali yang ke-25.

Sekian, terima kasih.